



Unsur mistik tekstil Melayu

» Perlu ketajaman pemikiran manusia untuk rungkai rahsia di sebalik rekaan

Oleh Wan Noor Hayati Wan Alias
wanti@bh.com.my

Kehebatan teknologi Melayu membolehkan sesuatu yang biasa bertukar menjadi luar biasa dan ia boleh dilihat menerusi pembuatan kain baju atau tekstil orang Melayu.

Rahsia ini dibongkar secara akademik dan saintifik menerusi kajian set pakaian tradisional asas yang merangkumi tanjak, selendang atau selempang, bengkong atau pending dan kain buruk (atau samping atau kemberan).

Teknologi tekstil Melayu yang menakjubkan di dunia seperti kain cindai atau limar dan kain azimat atau kain berayat amat halus serta dipenuhi unsur mistikal yang memerlukan ketajaman pemikiran manusia untuk merungkai rahsia di sebaliknya.

Pengarah Muzium Warisan Melayu, Universiti Putra Malaysia (UPM), Serdang, Dr Muhammad Pauzi Abd Latif, berkata kedua-dua tekstil itu dalam bentuk 'kain lepas' iaitu untuk pemakaian harian yang memiliki pelbagai ciri keselamatan dan kehebatan.

Katanya, salah satu ciri kain cindai yang diketahui umum ialah kalis api dan kebal senjata. Kajian saintifik menunjukkan, serat nanas yang tidak mudah terbakar adalah antara bahan benang membuatnya.

Unsur mistik

"Sejarah menyebut kain cindai yang berasal dari Gujerat, India dikenali sebagai Patola sebenarnya kain biasa sahaja di sana. Bagaimanapun, kain cindai menjadi luar biasa apabila sampai ke tangan orang Melayu ketika ia dibawa ke Tanah Melayu.

"Selain ketahanan fizikal, ia dimasukkan dengan unsur mistik yang menjadikannya seribu satu kegunaan sehingga diberi gambaran sebagai

'pengganti bonda di kayangan'. Misalnya, jika kain cindai itu dijadikan alas tempat duduk, ada adat dan adabnya iaitu dengan membaca seruan khusus," katanya kepada BH.

Jelas, ia digunakan bukan sembarangan orang, sebaliknya untuk golongan tertentu seperti pahlawan Melayu, tokoh dan pembesar, raja serta ratu dan seumpamanya.

"Mengikut cerita lisan, tokoh pahlawan, Cik Siti Wan Kembang dan sekumpulan tentera wanita beliau memakai kain cindai bagi menaikkan seri wajah, kalis api ketika dibakar dan kebal senjata.

"Rahsia yang menghairankan, selama ini mereka berperang dan menang walaupun hanya dengan berkemberan sahaja, rupanya mereka memakai kain cindai dan lain-lain aksesori. Hang Jebat pula dikatakan, memakai kain cindai dan mengikat perutnya selepas ditikam

Hang Tuah. "Beliau mampu bertahan selama empat hari sebelum menghembus nafas terakhir sebaik Hang Tuah membuka kain itu kerana ia boleh menyerap ke dalam luka dan menahan darah daripada keluar," katanya.

Guna ayat al-Quran

Kain cindai dikatakan, walaupun dibakar sehingga merah pada suhu 2,000 darjah celsius, tetap sejuk dan boleh dipegang, memang tidak masuk akal.

Katanya, kajian saintifik dan akademik perlu dilakukan segera bagi menjadikannya sebagai pakaian pasukan keselamatan atau baju kalis peluru, seperti yang dilakukan terhadap benang daripada ulat sutera dan labah-labah.

"Satu lagi kain lepas yang menunjukkan kehebatan orang Melayu dalam era selepas turunnya al-Quran ialah kain azimat atau kain berayat. Menerapkan Islam dan al-Quran

dalam kehidupan seharian, khususnya bagi tujuan keselamatan, pertahanan diri dan peperangan. Kain berayat ini dilukis dengan tangan menggunakan ayat al-Quran terpilih yang menjadikannya seperti kain wafak.

"Kain azimat yang dipenuhi tulisan tangan ayat al-Quran terkenal sebagai kain pendinding diri yang kalis senjata, peluru atau 'ghaib', masih lagi digunakan meluas oleh pahlawan Melayu di Pattani, selatan Thailand," katanya.

Sanggup bayar harga tinggi

Katanya, biasanya hanya pembesar dan orang atasan sahaja yang memakai kain yang dituliskan dengan ayat selaras dengan kedudukan tinggi al-Quran.

"Untuk rakyat biasa, askar dan hulubalang biasa, dipanggil kain buruk sahaja, iaitu kain lepas kosong, kain biasa, dengan satu warna sahaja seperti kain hitam, kuning, merah, putih dan sebagainya, mengikut 'jaluran warna' masing-masing.

"Walaupun kain cindai dan berayat berbeza rupa dan kualiti dengan kain buruk, namun fungsinya tetap sama, dikatakan untuk seribu satu kegunaan. Ia juga boleh dijadikan karpet terbang seperti yang ditunjukkan Tan Sri Dr P Ramlee dalam filemnya. Bergantung kepada pengisian mistiknnya, sama seperti kapal terbang isi minyak terlebih dulu," jelasnya ketika ditanya bagaimana kain itu boleh terbang.

Ramai pihak sanggup membayar harga yang tinggi sehingga berjuta ringgit untuk mendapatkan sehelai kain cindai atau kain azimat.

Dari sudut akademik, Muzium Warisan Melayu, UPM turut memiliki koleksi kain cindai dan kain berayat untuk kajian akademik secara berfakta dan ilmiah kepada pelajar serta pengkaji yang berminat.

Malah, sehingga kini ramai pengkaji sejarah Melayu dari Barat sudah pun berkunjung ke muzium itu untuk mengkajinya.



Muhammad Pauzi Abd Latif

